

**22**

## Pembangunan Korporat Dan Strategik

Meningkatkan taraf keupayaan perbankan komersial.



**6**

## Surat Kepada Para Pemegang Saham

Memperkuatkan kedudukan pasaran kami sebagai syarikat kewangan utama di Malaysia...

**35**

## Tadbir Urus Korporat

Memastikan kepentingan pemegang saham dan pemegang kepentingan syarikat dijaga dengan sewajarnya.



**53**

## Pencapaian

Sejarah Kecemerlangan...



# KANDUNGAN

- |           |  |            |   |
|-----------|--|------------|---|
| <b>2</b>  | Notis Mesyuarat Agung Tahunan Yang Keempat Puluh Satu                  | <b>16</b>  | Profil Para Pengarah                        |
| <b>4</b>  | Notis Pencalonan   | <b>21</b>  | Pengurusan                                  |
| <b>6</b>  | Surat Kepada Para Pemegang Saham                                       | <b>22</b>  | Pembangunan Korporat Dan Strategik          |
| <b>10</b> | Sejarah  | <b>26</b>  | Maklumat Kewangan Penting Kumpulan          |
| <b>11</b> | Falsafah   | <b>27</b>  | Kajian Kewangan Lima Tahun Kumpulan         |
| <b>12</b> | Struktur Korporat<br>- Perniagaan Utama                                | <b>28</b>  | Kajian Kewangan Kumpulan                    |
| <b>13</b> | Struktur Korporat<br>- Syarikat Subsidiari dan Bersekutu Dalam Operasi | <b>31</b>  | Tinjauan Operasi Perniagaan                 |
| <b>14</b> | Struktur Organisasi  | <b>35</b>  | Tadbir Urus Korporat                        |
| <b>15</b> | Lembaga Pengarah & Maklumat Korporat                                   | <b>44</b>  | Maklumat Pematuhan Bursa Malaysia Yang Lain |
|           |  | <b>46</b>  | Menguruskan Risiko                          |
|           |  | <b>53</b>  | Pencapaian                                  |
|           |  | <b>57</b>  | Takwim Kewangan & Takwim Korporat           |
|           |  | <b>58</b>  | Takwim Peristiwa-peristiwa Penting          |
|           |  | <b>67</b>  | Penyataan Kewangan                          |
|           |  | <b>164</b> | Struktur Pemegangan Saham                   |
|           |  | <b>168</b> | Senarai Harta Tanah                         |
|           |  | <b>172</b> | Panduan Korporat                            |
|           |  | <b>176</b> | Rangkaian Cawangan AmFinance                |
|           |  | <b>179</b> | Borang Proksi                               |

# Notis Mesyuarat Agung Tahunan Yang Keempat Puluh Satu

**DENGAN INI DIMAKLUMKAN** bahawa Mesyuarat Agung Tahunan AMFB Holdings Berhad ("Syarikat") yang Keempat Puluh Satu akan diadakan di Dewan AmBank Group, Tingkat 7, Bangunan AmBank Group, 55 Jalan Raja Chulan, 50200 Kuala Lumpur pada hari Isnin, 27 September 2004 jam 10.30 pagi untuk tujuan-tujuan berikut:-

Perkara	Agenda	Resolusi di Borang Proksi
1.	<b>SEBAGAI URUSAN BIASA</b> Untuk menerima Akaun-Akaun Teraudit bagi tahun berakhir 31 Mac 2004 serta Laporan Pengarah dan Laporan Juruaudit mengenainya.	(Resolusi No. 1)
2.	Untuk meluluskan dividen pertama dan akhir sebanyak 10.0% tolak cukai bagi tahun berakhir 31 Mac 2004.	(Resolusi No. 2)
3.	Untuk meluluskan bayaran yuran para Pengarah bagi tahun berakhir 31 Mac 2004.	(Resolusi No. 3)
4.	Untuk memilih semula Pengarah, Y Bhg Tan Sri Dato' Azman Hashim, yang bersara mengikut giliran menurut Artikel 89 Tataurusan Syarikat.	(Resolusi No. 4)
5.	Untuk memilih semula Pengarah-pengarah berikut yang bersara menurut Artikel 97 Tataurusan Syarikat:- (a) Y Bhg Datuk Oh Chong Peng (b) Encik Sharkawi Bin Alis	(Resolusi No. 5) (Resolusi No. 6)
6.	Untuk melantik Tetuan Ernst & Young sebagai Juruaudit Syarikat bagi menggantikan Juruaudit yang akan bersara, Tetuan Deloitte KassimChan, dan untuk memberi kuasa kepada para Pengarah bagi menentukan ganjaran mereka.	(Resolusi No. 7)
7.	<b>SEBAGAI URUSAN KHAS</b> Untuk mempertimbangkan dan jika difikir sesuai, meluluskan resolusi-resolusi yang berikut sebagai Resolusi-Resolusi Biasa:- <b>Kuasa untuk Menerbitkan Saham Menurut Skim II Opsyen Saham Pekerja Syarikat</b> "BAHAWA menurut Skim II Opsyen Saham Pekerja Syarikat ("Skim") yang diluluskan pada Mesyuarat Agung Luar Biasa Syarikat pada 17 September 1999, para Pengarah Syarikat adalah dengan ini diberikan kuasa, mengikut Seksyen 132D Akta Syarikat, 1965, untuk memperuntukkan dan menerbitkan saham dalam Syarikat dari masa ke semasa mengikut Skim tersebut."	(Resolusi No. 8)
8.	<b>Kuasa untuk Menerbitkan Saham Menurut Seksyen 132D Akta Syarikat, 1965</b> "BAHAWA tertakluk kepada kelulusan daripada pihak-pihak berkuasa yang berkenaan, di mana kelulusan tersebut diperlukan, para Pengarah adalah dengan ini diberikan kuasa sepenuhnya mengikut Seksyen 132D Akta Syarikat, 1965, untuk menerbitkan saham dalam modal Syarikat, pada bila-bila masa di bawah syarat-syarat dan bagi tujuan-tujuan tersebut sepermata mengikut pertimbangan yang dianggap layak oleh Lembaga Pengarah, asalkan jumlah saham terkumpul yang akan diterbitkan menurut resolusi ini, tidak melebihi sepuluh peratus daripada modal saham terbitan Syarikat buat sementara."	(Resolusi No. 9)
9.	Untuk membincangkan lain-lain perkara yang mana notis sewajarnya telah pun diterima.	

## NOTIS KELAYAKAN DAN PEMBAYARAN DIVIDEN

**DENGANINI DIMAKLUMKAN** bahawa dividen pertama dan akhir sebanyak 10.0% tolak cukai bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2004, jika diluluskan oleh pemegang-pemegang saham di Mesyuarat Agung Tahunan yang Keempat Puluh Satu akan dibayar pada 19 Oktober 2004 kepada pemegang-pemegang saham yang tersenarai dalam Rekod Pendeposit pada 4 Oktober 2004.

Seseorang pendeposit hanya layak untuk hak sekiranya:-

- a. Saham dipindah ke akaun sekuriti pendeposit sebelum 4.00 petang pada 4 Oktober 2004 bagi pindahan biasa; dan
- b. Saham dibeli di Bursa Malaysia Securities Bhd atas dasar kelayakan mengikut Peraturan-peraturan Bursa Malaysia Securities Bhd..

Dengan Perintah Lembaga Pengarah

**RAVINDRA KUMAR THAMBIMUTHU**

Setiausaha Kumpulan Syarikat

Kuala Lumpur

3 September 2004

### Nota-nota:-

- (1) Seorang pemegang saham yang berhak hadir dan mengundi adalah berhak melantik seorang proksi untuk hadir dan mengundi bagi pihaknya. Seorang proksi atau wakil yang diberi kuasa tidak semestinya seorang pemegang saham Syarikat. Di bawah Seksyen 149(1) Akta Syarikat, 1965, jika seorang proksi bukan seorang pemegang saham, ia mestilah merupakan seorang peguam, seorang juruaudit syarikat bertauliah atau seorang yang mendapat kebenaran Pendaftar Syarikat dalam kes tertentu.
- (2) Seorang Nomini Sah seperti yang ditakrifkan di bawah Akta Industri Sekuriti (Simpanan Pusat) 1991, boleh melantik seorang proksi bagi setiap akaun sekuriti yang dipegangnya di mana saham biasa Syarikat dikreditkan dalam akaun sekuriti tersebut. Seorang proksi yang dilantik haruslah pemilik benefisial saham dalam akaun sekuriti tersebut atau seorang sebagaimana tersebut di bawah Seksyen 149(1) Akta Syarikat, 1965.
- (3) Suratcara pelantikan seorang proksi bagi individu mestilah ditandatangani oleh pelantik atau wakil yang diberi kuasa dan bagi sebuah perbadanan, suratcara pelantikan seorang proksi atau proksi-proksi mestilah disempurnakan di bawah meterai syarikat atau ditandatangani oleh pegawai atau wakil yang diberi kuasa berbuat demikian.
- (4) Borang proksi yang telah disempurnakan mestilah dihantar kepada Pejabat Berdaftar Syarikat di Tingkat 22, Bangunan AmBank Group, 55 Jalan Raja Chulan, 50200 Kuala Lumpur **tidak kurang daripada 48 jam** sebelum waktu Mesyuarat yang ditetapkan.

### (5) Nota-nota Penjelasan tentang Resolusi-resolusi

#### (5.1) Resolusi No. 7 – Pelantikan Juruaudit

Syarikat telah menerima Notis Pencalonan Juruaudit mengikut Seksyen 172(11) Akta Syarikat, 1965 untuk pelantikan Messrs Ernst & Young yang telah memberi persetujuan untuk bertindak sebagai Juruaudit Syarikat bagi menggantikan Juruaudit yang akan bersara. Sesalinan Notis Pencalonan disertakan di muka surat berikut Laporan Tahunan ini.

#### (5.2) Resolusi No. 8 - Kuasa untuk Menerbitkan Saham Menurut Skim II Opsyen Saham Pekerja Syarikat

Resolusi biasa no. 8, jika diluluskan, akan membolehkan para Pengarah Syarikat, daripada tarikh Mesyuarat Agung, untuk memperuntukkan dan menerbitkan saham biasa Syarikat kepada pekerja-pekerja yang menggunakan opsyen-opsyen mereka di bawah Skim II Opsyen Saham Pekerja. Kuasa ini, kecuali ditarik balik atau dipelbagaikan di Mesyuarat Agung, akan tamat pada Mesyuarat Agung Tahunan yang akan datang.

#### (5.3) Resolusi No. 9 - Kuasa untuk Menerbitkan Saham Menurut Seksyen 132D Akta Syarikat, 1965

Resolusi biasa no. 9, jika diluluskan, akan memberi para Pengarah Syarikat, daripada tarikh Mesyuarat Agung, kuasa untuk memperuntukkan dan menerbitkan saham biasa daripada modal saham Syarikat yang belum diterbitkan sehingga jumlah terkumpul tidak melebihi 10.0% daripada modal saham terbitan Syarikat buat sementara, apabila perlu atau peluang perniagaan timbul dan dianggap akan memanfaatkan Syarikat oleh para Pengarah. Kuasa ini, kecuali ditarik balik atau dipelbagaikan di Mesyuarat Agung, akan tamat pada Mesyuarat Agung Tahunan yang akan datang.

### Penyata Mengiringi Notis Mesyuarat Agung Tahunan

#### Pengarah-pengarah Yang Menawarkan Diri Untuk Dipilih Semula Di Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat Yang Keempat Puluh Satu

Seorang pengarah yang bersara mengikut giliran menurut Artikel 89 Tataurusan Syarikat dan menawarkan diri untuk dipilih semula adalah seperti berikut:-  
• Y Bhg Tan Sri Dato' Azman Hashim

Pengarah-pengarah yang telah dilantik ke Lembaga sejak Mesyuarat Agung Tahunan yang lepas, akan bersara menurut Artikel 97 Tataurusan Syarikat dan menawarkan diri untuk dipilih semula adalah seperti berikut:-

- Y Bhg Datuk Oh Chong Peng (dilantik pada 1 Julai 2004)
- Encik Sharkawi Bin Alis (dilantik pada 1 April 2004)

Butir-butir mengenai ketiga-tiga Pengarah yang menawarkan diri untuk dipilih semula dibentangkan dalam profil masing-masing di Profil Para Pengarah dan pegangan sekuriti mereka di dalam Syarikat dan subsidiari-subsiariannya dibentangkan dalam Struktur Pemegangan Saham di Laporan Tahunan ini.



# Notis Pencalonan



28 Julai 2004

Lembaga Pengarah  
**AMFB Holdings Berhad**  
Tingkat 22 Bangunan AmBank Group  
55 Jalan Raja Chulan  
50200 Kuala Lumpur

Tuan,

## PENCALONAN JURUAUDIT BARU

Selaras dengan Seksyen 172(11) Akta Syarikat, 1965, kami, AMMB Holdings Berhad merupakan pemegang saham AMFB Holdings Berhad (“AMFB”), dengan ini memberi notis berkenaan hasrat kami untuk mencalonkan Tetuan Ernst & Young sebagai Juruaudit AMFB bagi mengantikan Juruaudit yang akan bersara, Tetuan Deloitte KassimChan di Mesyuarat Agung Tahunan AMFB yang akan datang.

Yang Benar  
**AMMB Holdings Berhad**

**CHEAH TEK KUANG**  
Pengarah

## **AMMB Holdings Berhad**

(Incorporated in Malaysia) (223035-V)

Registered Office: 22nd Floor, Bangunan AmBank Group, 55 Jalan Raja Chulan, 50200 Kuala Lumpur, Malaysia.

Postal Address: P.O. Box 10233, 50708 Kuala Lumpur, Malaysia.

Tel: (603)-2078 2633/44/55 Fax: (603)-2078 2842 Telex: MA 31167 & 31169 ABMAL ambg.com.my



AmFinance



## Memiliki kereta semestinya istimewa.

Jadikannya kenyataan dengan Pembiaya Kereta **No.1** di Malaysia.

- Lebih 3,000 pengedar kereta terlantik
- Pakej pembiayaan inovatif
- Kelulusan pinjaman yang cepat
- Kemudahan pembayaran – lebih 200 cawangan di seluruh negara, mesin ATM, perbankan hari Ahad dan perbankan internet
- Pemeriksaan Puspakom untuk kereta terpakai membawa ketenangan jiwa

Hubungi **03-2612 6888** pada bila-bila masa

[ambg.com.my](http://ambg.com.my)





# Surat Kepada Para Pemegang Saham

*Kepada para pemegang saham,*

Saya dengan sukacitanya melaporkan bahawa Kumpulan AMFB Holdings telah mencatatkan satu lagi prestasi tahun kewangan yang cemerlang dengan keuntungan sebelum cukai (PBT) sebanyak RM420.0 juta, iaitu peningkatan 35.0% berbanding RM311.2 juta pada tahun kewangan sebelumnya. Pada masa yang sama, keuntungan selepas cukai dan kepentingan minoriti Kumpulan berkembang sebanyak 35.0% atau RM116.5 juta menjadi RM450.7 juta bagi TKB 31 Mac 2004. Lembaga Pengarah mencadangkan dividen pertama dan terakhir sebanyak 10.0% tolak cukai, yang akan menghasilkan pembayaran berjumlah RM38.0 juta kepada para pemegang saham.

Keuntungan yang lebih tinggi dicapai seiring dengan pertumbuhan ekonomi yang lebih kukuh yang didahului oleh perbelanjaan pengguna yang lebih tinggi disebabkan dasar kewangan dan fiskal Kerajaan yang sesuai.

## **PRESTASI EKONOMI MALAYSIA 2003/2004**

Peningkatan keuntungan adalah selaras dengan perkembangan ekonomi Malaysia dengan kadar pertumbuhan 5.3% berbanding ramalan pertumbuhan awal sebanyak 4.2%, seterusnya menghasilkan permintaan pinjaman yang lebih tinggi. Meskipun separuh pertama tahun amat mencabar dengan pecahnya Perang Iraq dan wabak Sindrom Pernafasan Akut Teruk (SARS) yang melemahkan sentimen seluruh dunia, momentum pertumbuhan kembali cergas pada separuh kedua tahun, didahului oleh pertumbuhan semula di Jepun dan Zon Euro dan pertumbuhan yang lebih baik di AS. Di medan domestik pula, sentimen pulih berikutan pertukaran pucuk pimpinan yang teratur di bawah kepimpinan Perdana Menteri yang baru dan sokongan kuat untuk parti pemerintah semasa pilihan raya umum yang diadakan pada Mac 2004.

Pertumbuhan ekonomi di Malaysia adalah dalam pelbagai asas dan seimbang di semua sektor dengan permintaan domestik yang kukuh serta prestasi eksport yang memacu pertumbuhan. Pertumbuhan seterusnya disokong oleh langkah-langkah proaktif Kerajaan seperti peruntukan pakej rangsangan ekonomi serta dasar kewangan dan fiskal yang bersesuaian.

Dalam suasana ekonomi yang semakin pulih, keuntungan operasi kasar sistem perbankan meningkat sebanyak 7.0% pada tahun 2003 dengan syarikat kewangan mencapai pertumbuhan 9.7% dipacu terutamanya oleh peningkatan pendapatan faedah bersih. Sektor perbankan kekal teguh dan mempunyai modal yang mencukupi dengan tahap nisbah modal berwajar risiko (RWCR) melebihi 13.0% dan nisbah hutang tak berbayar (NPL) turun 11.6%.

## **PRESTASI KEWANGAN KAMI**

Dengan kedudukan pasaran kami sebagai syarikat kewangan terulung di Malaysia, pinjaman dan pembiayaan bersih lain berkembang 4.0% menjadi RM25.9 bilion bagi tahun kewangan berakhir 2004. Walau bagaimanapun, pinjaman perumahan meningkat 11.0% kepada RM4.8 bilion, naik 9.0% berbanding tahun kewangan lepas. Pinjaman runcit adalah 77.0% daripada jumlah portfolio pinjaman, meningkat daripada 72.0% yang dicatatkan tahun lepas. Produk dan perkhidmatan perbankan Islam juga menyaksikan pertumbuhan yang memberangsangkan sebanyak 19.5%, menyumbang RM264.7 juta atau 20.0% pendapatan pinjaman Kumpulan. Pertumbuhan ini berpunca daripada pembiayaan berdasarkan runcit dengan sewa beli Islam menyumbang 76.0% jumlah pembiayaan Islam.

Jumlah deposit pelanggan juga meningkat sebanyak 4.0% kepada RM20.4 juta, dengan deposit runcit berkos rendah menyumbang hampir 73.0% daripada jumlah deposit. Campuran deposit yang sesuai ini membantu kami menurunkan kos meminjam kami sebanyak 8.0% pada tahun ini.

## **ERA BARU PEMBIAYAAN PENGGUNA**

AMFB mempunyai sejarah cemerlang selama 40 tahun dalam industri pembiayaan dan memberi sumbangan yang bermakna untuk Kumpulan AmBank pada setiap tahun. Ia adalah syarikat kewangan terbesar di Malaysia dengan aset berjumlah lebih RM30.0 bilion dan rangkaian 184 buah cawangan di seluruh negara.

Tahun 2004 menandakan permulaan satu era baru. Pada 27 Februari 2004, syarikat pegangan telah mengumumkan cadangan penswastaan AMFB yang kini menunggu kelulusan anda dan pihak berkuasa pengawasan. Apabila selesainya pelaksanaan penswastaan, AMFB secara efektif akan menjadi subsidiari milik penuh Kumpulan AmBank. Ini akan memudahkan penggabungan operasi bank komersial dan syarikat kewangan Kumpulan AmBank untuk beroperasi sebagai satu entiti. Penswastaan dan penggabungan selepas itu akan meningkatkan lagi perkhidmatan kami kepada pelanggan dan mengekalkan kelebihan dalam persekitaran yang semakin kompetitif.

Entiti yang digabungkan akan memegang lesen perbankan komersial dan syarikat kewangan (Bafin) komposit dan melalui pusat kewangan sehentinya, akan berupaya menawarkan pelbagai pilihan perkhidmatan dan produk kewangan yang sebelum ini tidak dapat disediakan bagi memenuhi keperluan para pelanggan kami. Ia akan mempunyai pangkalan aset yang lebih besar, skala



operasi yang meningkat dan keupayaan pembiayaan yang bertambah. Kami bukan sahaja memperoleh faedah daripada peningkatan peluang jualan silang tetapi juga berupaya merealisasikan kecekapan operasi dan penjimatan kos yang lebih tinggi daripada penyatuhan pemprosesan pejabat sokongan dan rasionalisasi rangkaian cawangan.

Selain daripada meluaskan perniagaan perbankan runcit dan komersial kami, salah satu keutamaan strategik kami tahun ini ialah membina asas deposit dan simpanan runcit yang lebih kukuh untuk menurunkan lagi kos pendanaan kami. Program pemasaran kini sedang dibuat untuk merealisasikan objektif ini.

Kami juga sedang membina model jualan dan pengagihan yang lebih baik yang merangkumi penyelarasan semula sumber, merasionalisasikan imbuhan pasukan jualan dan inovasi produk dan perkhidmatan. Ini akan membolehkan kami menggunakan pangkalan dan rangkaian pelanggan kami yang sedia ada dengan lebih berkesan untuk meningkatkan peluang perolehan.

## TINJAUAN

Di tahap makro, Bank Negara Malaysia telah mengunjurkan pertumbuhan KDNK antara 6.0% hingga 6.5% bagi tahun 2004. Ianya mungkin tercapai seperti yang dibuktikan melalui pertumbuhan KDNK yang kukuh secara relatifnya sebanyak 7.6% bagi suku pertama 2004. Momentum pertumbuhan dijangka kekal sepanjang baki tahun hasil daripada pemuliharan pelaburan korporat, kadar penggunaan yang berlanjutan dan perdagangan luar yang meningkat.

Tinjauan bagi sektor perbankan adalah positif. Tinjauan ekonomi yang optimistik secara keseluruhannya, persekitaran kadar faedah yang rendah dan pasaran kerja yang stabil dijangka meningkatkan perbelanjaan pengguna. Ini adalah unsur penting bagi pembekal pembiayaan pengguna seperti kami.

Walau bagaimanapun, terdapat cabaran yang besar di hadapan. Ini termasuklah persaingan yang sengit di kalangan pemain dalam industri perbankan yang mengurangkan pendapatan disebabkan oleh tebaran faedah yang semakin kecil. Kunci kejayaan di dalam suasana ini bukannya pada penurunan harga tetapi keunikian produk dan perkhidmatan. Dalam hal ini, kami sentiasa memberikan tumpuan untuk memahami dan memenuhi keperluan para pelanggan. Sesungguhnya usaha kami di bidang ini





tidak dilupakan begitu sahaja. Kami merasa sungguh gembira dipilih baru-baru ini sebagai "paling inovatif dalam memenuhi keperluan pelanggan" oleh Far Eastern Economic Review tahun ini. Kami yakin bahawa aspirasi dan strategi kami untuk menyediakan produk dan perkhidmatan yang inovatif akan meletakkan kami pada kedudukan yang selesa untuk memperoleh faedah daripada persekitaran ekonomi yang semakin berkembang.

## PENGHARGAAN

Mengimbas kembali tahun lalu semasa pelaksanaan penggabungan operasi MBF Finance ke dalam Kumpulan, kami telah dapat mencapai prestasi kewangan yang boleh dibanggakan. Kami tentukan tidak dapat mencapai semua ini tanpa para pekerja kami yang kekal berdedikasi dan berusaha dengan gigih yang mana saya amat berterima kasih.

Kami mengalau-alukan kedatangan dua ahli Lembaga yang baru iaitu Datuk Oh Chong Peng dan Encik Sharkawi Alis yang dilantik pada tahun ini. Saya juga mengambil peluang ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Prof Tan Sri Dato' Dr Mohd Rashdan Haji Baba dan Dato' Mohd Tahir Haji Abdul Rahim yang bersara daripada Lembaga semasa tahun kewangan ini. Saya amat menghargai sumbangan mereka.

Kami juga menghargai sumbangan pelbagai pihak pengawasan yang telah banyak membantu dan memberikan kami buah fikiran dan panduan mereka, khususnya Bank Negara Malaysia, Kementerian Kewangan dan Suruhanjaya Sekuriti.

Akhir sekali, saya juga mengucapkan terima kasih kepada para pemegang saham dan pelanggan atas sokongan dan keyakinan mereka yang berterusan terhadap kami.

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'Yang ikhlas,' followed by a long horizontal line for a signature.

**Tan Sri Dato' Azman Hashim**  
Pengerusi, Kumpulan AmBank  
12 Ogos 2004

## 1964

- Malaysian Industrial Finance Corporation Limited (MIFCL) ditubuhkan di Malaysia.

## 1977

- MIFCL menjadi Arab-Malaysian Finance Berhad (AMFB), mencerminkan pemerolehan kepentingan sebanyak 70.0% oleh AMMB Holdings Berhad (AHB) dalam ekuiti MIFCL.

## 1982

- AHB seterusnya mengambil alih kepentingan sebanyak 30.0%, menjadikan AMFB subsidiari milik penuh AHB.

## 1990

- AMFB mengambil alih First Malaysia Finance Berhad di bawah skim penyelamat yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan. Pengambilalihan ini serta-merta meluaskan rangkaian cawangan AMFB dari 26 ke 55 buah cawangan dan meningkatkan jumlah pelanggannya.

## 1992

- AMFB mencapai status penyenaraianya apabila kesemua modal yang diterbitkan dan berbayar Syarikat sebanyak 150,000,000 saham telah didagangkan di Bursa Malaysia Securities Berhad (dahulunya dikenali sebagai Bursa Saham Kuala Lumpur).

## 1998

- Selaras dengan rancangan kerajaan untuk menggabungkan institusi-institusi perbankan bagi menghadapi cabaran liberalisasi dan globalisasi yang semakin giat, AMFB telah mengambil alih aset dan liabiliti Abrar Finance Berhad.

## 2001

- AMFB berjaya mengambil alih MBf Finance menjadikannya subsidiari milik penuh AMFB.

## 2002

- Perniagaan AMFB telah digabungkan dengan MBf Finance, menghasilkan syarikat kewangan yang terbesar di negara ini dari segi jumlah aset dan rangkaian cawangan. AMFB telah dinamakan semula sebagai AMFB Holdings Berhad untuk mencerminkan statusnya sebagai syarikat pegangan.
- Pada masa yang sama, MBf Finance telah menjalani penyusunan semula identiti korporatnya dan dinamakan sebagai AmFinance Berhad (AmFinance), selaras dengan inisiatif jenama semula Kumpulan AmBank. Penukaran imej membuka lembaran baru bagi Syarikat dan meningkatkan penonjolan Syarikat di bidang pinjaman pengguna.

# Pada Permulaannya...

Sejarah AMFB Holdings Berhad